

**ISLAM RAHMATAN LIL ‘ALAMIN SEBAGAI KERANGKA KONSEPTUAL
DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MADANI**

**[ISLAM AS RAHMATAN LIL ‘ALAMIN AS A CONCEPTUAL FRAMEWORK
FOR THE DEVELOPMENT OF A MADANI (CIVIL) SOCIETY]**

Zaifuddin Md Rasip¹, Maslikhah², Hajar Opir³

¹Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, zaifuddin@ums.edu.my

²Universitas Islam Negeri Salatiga, Jawa Tengah, maslikhah@uinsalatiga.ac.id

³Universiti Teknologi Mara, Kuala Lumpur, hajar_opir@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7171>

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis konsep *Islam Rahmatan lil ‘Alamin* sebagai suatu kerangka konseptual dalam pembangunan masyarakat madani yang berteraskan kesejahteraan, keterangkuman dan nilai peradaban. Prinsip rahmat yang menjadi inti risalah Nabi Muhammad SAW dihuraikan sebagai asas normatif yang merangkumi dimensi akidah, syariah, akhlak, kemanusiaan dan hubungan sosial, sekali gus menafikan tanggapan yang mengaitkan Islam dengan ekstremisme atau kekerasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen terhadap sumber primer, iaitu al-Quran dan al-Hadis, serta karya sarjana klasik dan kontemporari yang berkaitan. Hasil analisis menunjukkan bahawa konsep rahmah menekankan nilai keadilan, keseimbangan, toleransi, penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kesejahteraan sejagat tanpa mengira perbezaan agama, etnik dan budaya. Nilai-nilai ini membentuk asas penting bagi pembinaan masyarakat madani, khususnya dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, melalui penerapan prinsip wasatiyyah, pengukuhan dialog antara agama dan usaha memperkasa kesejahteraan sosial. Kajian ini merumuskan bahawa *Rahmatan lil ‘Alamin* bukan sekadar wacana teologi, tetapi suatu kerangka pembangunan yang komprehensif yang boleh membimbing perumusan dasar awam, sistem pendidikan, tadbir urus pentadbiran serta hubungan antara komuniti. Oleh itu, penghayatan terhadap konsep ini wajar diperkukuh melalui pendidikan nilai, pengukuhan institusi keagamaan dan pendekatan dakwah yang berteraskan hikmah, agar Islam difahami dan dihayati sebagai agama yang membawa keamanan, belas kasih dan kemajuan kepada seluruh manusia.

Kata Kunci: *Rahmatan li ‘Alamin*, Maqasid Syariah, Keadilan, Toleransi, Masyarakat Madani

ABSTRACT

This article examines the concept of Islam as Rahmatan lil ‘Alamin as a conceptual framework for the development of a madani (civil) society grounded in well-being, inclusivity, and civilizational values. The principle of mercy that lies at the heart of the Prophetic mission of Muhammad (SAW) is analysed as a normative foundation encompassing the dimensions of creed (aqidah), Islamic law (shariah), ethics (akhlaq), humanity, and social relations, thereby refuting misconceptions that associate Islam with extremism or violence. This study adopts a qualitative approach based on document analysis of primary sources, namely the Qur’an and Hadith, as well as classical and contemporary scholarly works relevant to the theme. The findings indicate that the concept of rahmah emphasises justice, balance, tolerance, respect for

human rights, and universal well-being, regardless of religious, ethnic, or cultural differences. These values constitute an essential foundation for the formation of a madani society, particularly within a pluralistic context such as Malaysia, through the application of the principle of wasatiyyah (moderation), the strengthening of interreligious dialogue, and efforts to enhance social well-being. The study concludes that Rahmatan lil 'Alamin is not merely a theological discourse, but a comprehensive development framework capable of guiding public policy, educational systems, administrative governance, and inter-communal relations. Therefore, internalising this concept should be reinforced through values-based education, the strengthening of religious institutions, and a wisdom-oriented (hikmah) approach to da'wah, so that Islam is understood and embraced as a religion that brings peace, compassion, and progress to all humanity.

Keywords: *Rahmatan lil 'Alamin, Maqasid al-Shariah, Justice, Tolerance, Civil Society*

PENGENALAN

Pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir menandakan kemuncak kepada misi kenabian dalam sejarah manusia, iaitu membawa manusia kembali kepada tauhid serta membimbing mereka ke arah kehidupan yang adil dan seimbang. Risalah yang disampaikan Baginda bukan sekadar melengkapkan ajaran para nabi terdahulu, malah mengandungi prinsip-prinsip menyeluruh yang berpaksikan rahmat, kasih sayang dan keadilan sejagat. Al-Qur'an menegaskan bahawa kehadiran Baginda merupakan rahmat untuk seluruh alam, suatu gagasan *rahmatan lil 'alamin* yang menembusi sempadan etnik, budaya dan wilayah (Bustamam & Hardivizon, 2025). Prinsip inilah yang menjadi landasan utama dalam membentuk masyarakat yang menjunjung kemuliaan akhlak dan kesejahteraan bersama (Elius et al., 2019).

Keistimewaan Rasulullah SAW sebagai pemimpin tidak terhad kepada peranannya menyampaikan wahyu, bahkan terserlah melalui keupayaan Baginda menterjemahkan ajaran tersebut dalam realiti kehidupan. Setiap tindakan dan keputusan Baginda dalam urusan sosial, pentadbiran dan pengendalian konflik mencerminkan ketinggian nilai moral serta kebijaksanaan etika (Abdul Aziz & Rusli, 2023). Pengalaman mengurus masyarakat berbilang latar di Madinah memperlihatkan bagaimana ajaran Islam mampu menjadi asas kepada pembinaan komuniti yang aman, terbuka dan saling menghormati (Asrin et al., 2024). Dalam konteks ini, peribadi Rasulullah SAW tampil sebagai model peradaban yang mengharmonikan tuntutan kerohanian dengan keperluan kemasyarakatan dan kemanusiaan.

Risalah Nabi Muhammad SAW juga membawa gagasan besar tentang bagaimana sesebuah masyarakat wajar dibangunkan. Islam menekankan bahawa keutuhan sosial hanya dapat dicapai melalui pemeliharaan prinsip keadilan, kesaksamaan, toleransi dan kesejahteraan sosial sebagai teras struktur masyarakat (Muksin, 2022). Baginda mengajarkan bahawa kemakmuran tidak diukur semata-mata melalui kemajuan material, tetapi melalui jaminan hak dan maruah setiap insan tanpa mengira asal keturunan, kedudukan atau latar sosial. Pendekatan ini melahirkan kerangka sosial yang menolak kezaliman serta mengangkat nilai kemuliaan manusia sebagai asas peradaban (Razak, 2003).

Selain itu, sifat kesejagatan Islam menjadikan ajaran Nabi Muhammad SAW sentiasa relevan dalam pelbagai konteks sejarah dan peradaban. Islam tidak dibatasi oleh identiti Arab semata-mata, sebaliknya tampil sebagai agama yang bersifat global dan merentas zaman. Keseluruhan sistem ajaran yang merangkumi aspek akidah, ibadah, muamalat, akhlak dan siyasah membuktikan keluasan dan kesyumulan syariah dalam membimbing pembinaan tamadun yang adil serta berteraskan nilai kemanusiaan (Rasip, 2025). Keanjalan inilah yang memungkinkan prinsip Islam terus diaplikasikan dalam realiti dunia moden yang semakin kompleks dan mencabar.

Secara tuntas, risalah Nabi Muhammad SAW dapat difahami sebagai suatu projek peradaban yang komprehensif, bukan sekadar usaha pembetulan akidah individu. Konsep *rahmatan lil 'alamin* yang menjadi teras ajaran Baginda menyediakan asas konseptual bagi pembentukan masyarakat madani yang progresif, harmoni dan berpaksikan nilai kemanusiaan sejagat (Che Rani, 2025). Justeru, penghayatan terhadap prinsip ini amat signifikan dalam konteks semasa, khususnya dalam memperkukuh perpaduan, merealisasikan maqasid syariah, serta membina masyarakat global yang adil dan sejahtera.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai tiga matlamat utama berikut:

1. Menganalisis konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dengan meneliti dalil-dalil al-Quran dan hadis yang memperincikan dimensi kerahmatan dalam risalah Nabi Muhammad SAW sebagai teras ajaran Islam.
2. Menghuraikan sifat kesejagatan dakwah Rasulullah SAW, khususnya penyampaian risalah kepada manusia, jin dan seluruh makhluk, sebagai asas kepada pembentukan peradaban yang bersifat inklusif dan menyeluruh.
3. Menilai sumbangan risalah kenabian terhadap pembinaan masyarakat madani, melalui penelitian terhadap pengaruh ajaran Baginda dalam membentuk nilai keadilan, toleransi dan kesejahteraan sosial dalam struktur masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk penyelidikan kepustakaan bagi menelusuri secara kritis konsep *rahmatan lil 'alamin* serta hubungannya dengan pembentukan masyarakat madani. Sumber rujukan utama merangkumi al-Quran dan hadis sebagai teks teras, di samping karya tafsir klasik dan kontemporari, penulisan sirah Nabawiyyah, serta buku dan artikel akademik yang berkaitan secara langsung dengan fokus kajian. Dalam menganalisis data, teknik analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti corak, prinsip dan dimensi rahmat yang terkandung dalam risalah Rasulullah SAW, merangkumi aspek spiritual, sosial dan kemanusiaan. Pemilihan sumber dibuat secara bertujuan dengan mengambil kira tahap kesahihan, autoriti ilmiah serta kesesuaiannya dengan objektif kajian yang telah digariskan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik membina suatu sintesis yang menyeluruh, dengan menggabungkan dalil naqli dan dapatan ilmiah, bagi menjelaskan makna serta implikasi universal risalah Nabi Muhammad SAW terhadap pembinaan masyarakat dalam realiti dunia moden.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan tentang pembinaan masyarakat madani dalam kerangka *rahmatan lil 'alamin* menuntut pemahaman yang jelas terhadap asas nilai yang mendasarinya. Dalam konteks Malaysia, gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menampilkan enam tonggak utama, iaitu Kemampanan, Hormat, Keyakinan, Ihsan, Kesejahteraan dan Daya Cipta. Keenam-enam teras ini dirumuskan bagi membentuk masyarakat berperadaban melalui keseimbangan kehidupan, pemupukan adab, pemulihan kepercayaan, keprihatinan sosial, kesejahteraan menyeluruh serta inovasi yang bertanggungjawab. Kerangka tersebut berfungsi sebagai landasan reformasi negara yang menekankan pembangunan insan, pengukuhan dimensi kerohanian dan kemajuan nasional yang beretika (Ibrahim, 2022).

Dari perspektif Islam, idea masyarakat madani tidak dapat dipisahkan daripada konsep *rahmatan lil 'alamin* yang membawa visi kemanusiaan berteraskan keadilan, ihsan, kasih sayang dan tanggungjawab sosial. Nilai ta'aruf, ta'awun dan tanāṣuḥ menjadi mekanisme asas dalam mengurus kepelbagaian masyarakat serta memperkukuh keharmonian dalam negara majmuk seperti Malaysia. Menurut Rasip, Ramlee & Ramli (2025), Islam menyediakan kerangka moral dan sosial yang bersifat inklusif bagi memperteguh perpaduan nasional, mengekang kecenderungan ekstremisme dan membina kesejahteraan berasaskan keadilan sejagat. Prinsip rahmat ini bukan sahaja mengatur hubungan sesama manusia, malah merangkumi hubungan manusia dengan alam, sejajar dengan amanah kekhalfahan dalam memelihara kelestarian ciptaan Allah SWT.

Pemaknaan konsep madani yang bersumber daripada wacana al-Quran turut memerlukan penjelasan yang tepat agar pelaksanaannya tidak tersasar daripada roh pembangunan masyarakat sejahtera yang diasaskan Rasulullah SAW. Justeru, dasar Malaysia Madani perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan kolektif yang melibatkan rakyat dan pemerintah, bukan sekadar menjadi slogan politik. Keperluan keseimbangan antara dimensi fizikal dan spiritual ini seiring dengan pandangan sarjana psikologi seperti Maslow, Frankl, Zohar dan Marshall yang menekankan hubungan antara jasad, spiritual dan kejayaan hidup, walaupun spiritual sering dipisahkan daripada agama dalam kerangka mereka (Suriani Sudi, 2017).

Dalam wacana peradaban, konsep Madani turut difahami sebagai usaha membentuk masyarakat berbudaya tinggi melalui pengukuhan institusi kekeluargaan, sistem pendidikan dan pembinaan sosial yang terarah. Bakar (1997) menegaskan bahawa pemikir Islam klasik seperti al-Farabi, Ibn Miskawayh dan Ibn Khaldun telah membangunkan perbincangan teoritikal yang mendalam tentang masyarakat Madani, khususnya dalam aspek pembinaan akhlak, pengurusan masyarakat dan pembangunan tamadun. Huraian mereka menampilkan kerangka yang lebih tersusun berbanding gambaran awal tentang masyarakat ideal, kerana menekankan pembentukan insan, keadilan sosial dan kesejahteraan kolektif sebagai asas kemajuan dan keharmonian peradaban.

Wacana ini terus diperkaya oleh pemikir Islam kontemporari seperti Rashid al-Ghannoushi melalui gagasan *dawlah madaniyyah*, iaitu konsep negara sivil yang berteraskan *karamah insaniyyah* atau kemuliaan manusia (al-Ghannoushi, 1999). Beliau seterusnya menegaskan bahawa pembinaan negara Madani perlu dipandu oleh prinsip *maqasid al-Shariah*, dengan penekanan khusus terhadap kebebasan (*al-*

hurriyah) dan hak asasi manusia (*ḥuqūq al-insān*) (al-Ghannoushi, 2012). Pendekatan ini mengembangkan makna negara Madani daripada sekadar kerangka autoritatif kepada suatu model governans yang inklusif, berteraskan nilai kemanusiaan dan meraikan kepelbagaian agama.

Konsep *rahmatan lil ‘alamin* juga berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial melalui pengukuhan nilai akhlak dalam masyarakat. Shuhairimi et al. (2023) menegaskan bahawa kemerosotan nilai dalam masyarakat moden telah menyuburkan budaya hedonisme dan materialisme sehingga melemahkan struktur moral. Dalam menghadapi realiti ini, pengembalian kepada nilai sejagat al-Quran dilihat sebagai asas penting bagi memperkukuh perpaduan, menegakkan keadilan dan menjamin kemaslahatan sosial. Oleh itu, kejayaan Malaysia Madani amat bergantung pada sejauh mana prinsip-prinsip ini difahami dan dihayati oleh seluruh pemegang taruh agar ia tidak sekadar kekal sebagai wacana retorik, tetapi benar-benar menjadi kerangka pembangunan negara yang berasaskan rahmat.

Menurut laman web Malaysia Madani (2023), gagasan ini diperkenalkan sebagai suatu pendekatan pentadbiran yang lebih berorientasikan kemanusiaan, bersifat inklusif serta menghormati kepelbagaian budaya dan agama. Ia merupakan kesinambungan usaha pembinaan masyarakat madani sejak era 1990–1997, di samping dipengaruhi oleh wacana madani di Indonesia yang menekankan kemajuan tamadun Melayu-Islam. Pendekatan Malaysia Madani menggabungkan kearifan tempatan, tradisi keilmuan dan dialog peradaban sebagai asas pembinaan identiti nasional. Keserasian antara nilai Islam dan dasar negara ini memperlihatkan bagaimana prinsip rahmat dapat disepadukan dalam pembangunan masyarakat majmuk (Che Rani, 2025).

Namun demikian, realisasi gagasan Malaysia Madani berhadapan dengan pelbagai cabaran praktikal. Masalah rasuah, kemerosotan integriti, kemiskinan bandar dan luar bandar, serta kelemahan tatakelola terus menjadi penghalang utama kepada pembinaan negara berperadaban. Bagi menangani isu-isu ini, inisiatif Malaysia Madani digerakkan untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan dan merapatkan jurang sosial melalui pendekatan Kerajaan Perpaduan (Abdul Aziz & Rusli, 2023). Pada masa yang sama, konsep Madani perlu dihayati secara menyeluruh agar nilai rahmat benar-benar terpancar dalam peningkatan kualiti hidup rakyat dan pembangunan ekonomi negara. Cabaran lain termasuk keperluan menangani fenomena Islamofobia sebagaimana dibincangkan dalam Forum Antarabangsa Pendekatan Madani Mendepani Cabaran Islamofobia (Siti Sarah Sofea Abdul Hisham, 2023). Secara keseluruhan, pembinaan masyarakat madani menuntut komitmen berterusan semua pihak agar nilai *rahmatan lil ‘alamin* dapat direalisasikan secara nyata dalam konteks kenegaraan Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Risalah Nabi Muhammad SAW sebagai Manifestasi *Rahmatan Lil ‘Alamin*

Islam tampil sebagai agama yang bersifat syumul dan membawa misi kesejagatan yang merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia. Risalah yang dibawa bukan sahaja mengatur hubungan hamba dengan Penciptanya, bahkan membimbing interaksi sesama manusia serta tanggungjawab terhadap alam sekitar. Teras ajaran ini terjelma melalui konsep *rahmatan lil ‘alamin*, yang membentuk kerangka nilai bagi melahirkan masyarakat inklusif, terbuka dan menghormati kepelbagaian, serta mengangkat martabat setiap makhluk sebagai ciptaan Allah SWT (Khosiin, Tobronib, & Khozin, 2023). Sifat universal ini memperlihatkan bahawa ajaran Islam

sentiasa relevan merentas zaman, kerana keupayaannya menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan realiti semasa tanpa mengabaikan prinsip asas keadilan, keseimbangan dan kesejahteraan yang menjadi inti pati syariat (al-Qardawi, 1977).

Hakikat bahawa Islam membawa rahmat sejagat ditegaskan secara jelas dalam al-Quran melalui firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Dan tidaklah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

(Surah al-Anbiya', 21:107)

Ayat ini menegaskan bahawa kerasulan Nabi Muhammad SAW tidak terbatas kepada kelompok tertentu, sebaliknya meliputi manusia, makhluk selain manusia serta keseluruhan sistem kehidupan di bumi. Menurut tafsiran Ibn Kathir (1985), penerimaan terhadap risalah ini membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat, manakala penolakan terhadapnya hanya mengundang kerugian kepada diri sendiri. Kefahaman ini memperkukuh gambaran bahawa rahmat yang dibawa Rasulullah SAW merupakan asas kepada kesejahteraan menyeluruh yang merangkumi seluruh ciptaan.

Dimensi rahmat tersebut turut ditegaskan dalam sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُّهْدَاةٌ

“Sesungguhnya aku adalah rahmat yang dihadihkan.”

Riwayat Abu Daud (3044)

Hadis ini menggambarkan bahawa keseluruhan ajaran dan misi kenabian Baginda berpaksikan nilai rahmah yang memberi manfaat kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Rahmat yang dibawa Rasulullah SAW tidak terhad kepada pembinaan rohani semata-mata, bahkan merangkumi sistem sosial, ekonomi, pendidikan, politik dan pentadbiran yang berteraskan keadilan serta kemaslahatan bersama (Rasip, Ramlee & Ramli, 2025). Melalui manhaj yang menyeluruh ini, Islam menyediakan panduan praktikal bagi membina masyarakat yang berdisiplin, beramanah dan menjunjung nilai keadilan sebagai asas peradaban (Abdul Aziz & Rusli, 2023).

Oleh yang demikian, konsep *rahmatan lil ‘alamin* wajar difahami bukan sekadar sebagai doktrin teologi, tetapi sebagai asas komprehensif bagi perancangan dan pembangunan masyarakat. Prinsip ini menggariskan arah pembentukan komuniti yang harmoni, progresif dan seimbang, dengan menekankan kesepaduan antara tuntutan spiritual dan keperluan kemasyarakatan. Dalam konteks inilah, Islam muncul sebagai agama yang bukan sahaja membawa petunjuk keimanan, tetapi juga menawarkan kerangka peradaban yang mampu menjamin kesejahteraan sejagat.

Risalah untuk Seluruh Manusia dan Jin

Risalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bersifat menyeluruh dan merentasi batas bangsa, budaya serta geografi. Sejak awal dakwah, contohnya dalam surah al-Hujurat, 49:13, al-Quran menyeru manusia dengan panggilan umum “يَا أَيُّهَا النَّاسُ” bermaksud “wahai manusia”, bagi menegaskan bahawa Islam bukan hanya untuk bangsa Arab, tetapi untuk seluruh manusia tanpa mengira latar

keturunan. Seruan ini mengukuhkan asas persaudaraan manusia dan pembinaan masyarakat berteraskan nilai kemanusiaan sejagat, selaras dengan tujuan syariah yang menekankan keadilan dan kesejahteraan universal (Elius, Khan, & Mohd Nor, 2019).

Ayat tersebut turut menegaskan bahawa manusia diciptakan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku untuk saling mengenali, bukan saling merendahkan. Para mufassir seperti al-Sobuni (2001) menjelaskan bahawa ketakwaan adalah satu-satunya asas kemuliaan di sisi Allah SWT, sekali gus menolak segala bentuk keangkuhan berasaskan keturunan atau warna kulit. Penafsiran kontemporari seperti Sajadi (2022) memperkukuh kefahaman ini dengan menyatakan bahawa kepelbagaian manusia adalah ruang membina persefahaman dan mengelakkan perpecahan, menjadikan nilai inklusiviti sebagai teras sistem sosial Islam. Hak kesamarataan ini ditegaskan dalam hadis Baginda SAW:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَاءَكُمْ وَاحِدٌ أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبٍ عَلَى أَعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ وَلَا لَأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ وَلَا أَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَى

“Wahai manusia, tiada kelebihan bagi Arab atas non-Arab, dan tiada kelebihan bagi non-Arab atas Arab; tiada kelebihan kulit putih atas kulit hitam, dan tiada kelebihan kulit hitam atas kulit putih, kecuali dengan takwa”.

Riwayat Ahmad (23489)

Tambah lagi al-Quran juga menegaskan sifat kerasulan yang bersifat sejagat. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

“Dan tidaklah Kami mengutus engkau melainkan kepada seluruh umat manusia, sebagai pemberi berita gembira dan pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

(Surah Saba' 34: 28)

Ayat ini mengesahkan bahawa sejak dari awal lagi dakwah Rasulullah SAW bersifat global, yang menunjukkan misi dakwah mencakupi semua bangsa tanpa mengira warna kulit dan keturunan (Qutb, 1989). Fakta sejarah seperti keislaman Bilal bin Rabah memperlihatkan sifat inklusif dakwah sejak awal lagi.

Selain untuk manusia, nabi Muhammad juga turut diutuskan kepada jin, sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepada-Ku”
(Surah al-Zariyat 51:56)

Menurut al-Qurtubi (2006), manusia dan jin sama-sama dipertanggungjawabkan untuk mentauhidkan Allah. Peristiwa pengislaman sekumpulan jin selepas mendengar bacaan al-Quran di Nakhlah, sebagaimana dirakam dalam Surah al-Jin 72:1–2 dan Surah al-Ahqaf 46:29–30, membuktikan keluasan rahmat dakwah ini.

Sebagai risalah yang membentuk pengabdian hakiki, Islam mengajar tunduk sepenuhnya kepada Allah SWT dan menjauhkan diri daripada hawa nafsu yang merosakkan akhlak (Ismail, Tobroni, & Faridi, 2024). Pengabdian ini melahirkan

masyarakat yang berakhlak mulia, berintegriti dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan bersama. Para mufassir seperti al-Sobuni (2001), menjelaskan bahawa jin yang beriman itu kembali kepada kaum mereka sebagai pemberi peringatan. Hadis sahih Muslim turut meriwayatkan pertemuan Nabi SAW dengan sekumpulan jin yang meminta diajar tentang agama:

أَتَانِي دَاعِي الْجِنِّ، فَذَهَبْتُ مَعَهُمْ، فَقَرَأْتُ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنَ

“Telah datang kepadaku utusan daripada golongan jin. Lalu aku pergi bersama mereka, dan aku membacakan al-Quran kepada mereka.”

Riwayat Muslim (450)

Semua peristiwa ini menunjukkan bahawa risalah Nabi Muhammad SAW bersifat menyeluruh dan mencakupi seluruh makhluk. Ia mengajak kepada ketakwaan, keadilan dan pengabdian kepada Allah SWT. Prinsip universal ini menjadi asas penting dalam pembentukan masyarakat madani yang menghormati kepelbagaian, memelihara hak semua pihak dan menjamin kesejahteraan bersama (Elius, Khan, & Mohd Nor, 2019). Dengan itu, *rahmatan lil ‘alamin* bukan sahaja membimbing manusia, tetapi juga jin ke arah kebahagiaan dunia dan keselamatan akhirat (Muksin, 2022).

Risalah Untuk Seluruh Alam

Keistimewaan mendasar risalah Islam terletak pada sifatnya yang bersifat global dan tidak terikat kepada batas geografi, etnik atau rentang masa tertentu (Bustamam & Hardivizon, 2025). Walaupun dakwah Rasulullah SAW bermula di Mekah dan Madinah, al-Quran menegaskan bahawa misi kerasulan Baginda ditujukan kepada seluruh makhluk dan membawa rahmat kepada semua ciptaan tanpa pengecualian (Ismail, Tobroni, & Faridi, 2024). Hakikat kesejagatan ini dinyatakan secara jelas melalui firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

“Dan tidaklah Kami mengutus engkau melainkan kepada seluruh umat manusia, sebagai pemberi berita gembira dan pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

(Surah Saba’, 34:28)

Ayat ini menegaskan bahawa Rasulullah SAW diutus bukan untuk komuniti tertentu semata-mata, sebaliknya sebagai pembawa khabar gembira dan peringatan kepada seluruh umat manusia. Penegasan yang sama turut diulang dalam beberapa ayat lain, antaranya Surah al-Furqan (21:1) dan Surah al-Anbiya’ (21:107), yang mengukuhkan kefahaman bahawa risalah Nabi Muhammad SAW bersifat menyeluruh dan merangkumi seluruh alam. Keseluruhan ayat ini menggambarkan bahawa kerasulan Baginda merupakan suatu nikmat agung yang membawa kesejahteraan menyeluruh kepada semua ciptaan (Rasip, Ramlee & Ramli, 2025).

Dimensi rahmat ini bukan sahaja terzahir melalui wahyu, bahkan jelas terpancar dalam sunnah dan sikap praktikal Rasulullah SAW. Apabila Baginda diminta agar mendoakan kebinasaan terhadap musuh-musuhnya, Baginda menolak permintaan tersebut dengan menegaskan:

إِنِّي لَمْ أُبْعَثْ لِعَاقِبَةٍ، وَإِنَّمَا بُعِثْتُ رَحْمَةً

“Sesungguhnya aku tidak diutus sebagai pelaknat, tetapi aku diutus sebagai pembawa rahmat.”

Riwayat Muslim (2599)

Hadis ini memperlihatkan bahawa misi kenabian Rasulullah SAW sejak awal dibina atas prinsip rahmat, bukan kebencian atau pembalasan. Pendekatan ini menegaskan bahawa dakwah Islam mengutamakan kasih sayang, hikmah dan kemaslahatan, meskipun berhadapan dengan penentangan dan permusuhan.

Rahmat yang dibawa oleh Rasulullah SAW juga tidak terbatas kepada aspek spiritual semata-mata, tetapi merangkumi dimensi akhlak, sosial dan kemanusiaan dalam hubungan sesama makhluk. Prinsip rahmat Islam melangkaui batas komuniti Muslim, kerana ia turut meliputi seluruh makhluk di muka bumi. Atas asas ini, pembinaan masyarakat madani menuntut penghayatan terhadap nilai keadilan, pembelaan golongan rentan, penghormatan terhadap hak semua makhluk serta pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Kerangka rahmat yang digariskan oleh Rasulullah SAW dengan demikian bukan sahaja membentuk individu berakhlak mulia, malah melahirkan sistem sosial yang harmoni dan seimbang, sejajar dengan tuntutan maqasid syariah (Bustamam & Hardivizon, 2025).

Sehubungan itu, sifat kesejagatan risalah Islam menegaskan bahawa konsep *rahmatan lil ‘alamin* bukan sekadar wacana normatif, tetapi suatu prinsip operasional yang membimbing pembinaan peradaban dan pengurusan kehidupan bermasyarakat. Kerangka ini menyediakan asas yang kukuh bagi pembentukan masyarakat madani yang menekankan kesejahteraan bersama serta keharmonian antara manusia, alam dan nilai ketuhanan. Bagi memahami bagaimana prinsip ini diterjemahkan dalam realiti, sirah dan amalan Rasulullah SAW memperlihatkan pelbagai peristiwa yang mencerminkan aplikasi rahmat dalam situasi kehidupan yang sebenar.

i. Peristiwa Ta'if

Antara peristiwa paling menonjol yang menggambarkan penghayatan konsep *rahmatan lil ‘alamin* dalam praktik ialah peristiwa Ta'if, yang memperlihatkan keluasan rahmat Nabi Muhammad SAW ketika berhadapan dengan penolakan dan kekerasan manusia (Abous, Zaghloul, & Ismail, 2025). Episod ini berlaku selepas kewafatan Khadijah RA dan Abu Talib, dua tokoh yang menjadi sandaran emosi serta perlindungan sosial kepada Baginda. Ketiadaan mereka menyebabkan tekanan Quraisy semakin memuncak sehingga keselamatan Rasulullah SAW di Makkah berada dalam keadaan genting (Al-'Azmi, 2024). Dalam suasana penuh ujian ini, Baginda memilih untuk mencari ruang baharu bagi meneruskan dakwah dengan menuju ke Ta'if bersama Zaid bin Harithah, mengharap sokongan Bani Thaqif terhadap seruan tauhid.

Di Ta'if, Rasulullah SAW menyampaikan dakwah dengan pendekatan hikmah dan adab yang tinggi. Baginda menemui para pemimpin serta mengetuk pintu-pintu penduduk, mengajak mereka kepada agama yang membebaskan manusia daripada penyembahan berhala dan membawa keamanan sejagat (Abdullah & Ibrahim, 2024). Namun, respons yang diterima amat menyakitkan. Dakwah Baginda bukan sahaja ditolak, malah disambut dengan ejekan dan kekerasan apabila golongan muda dihasut untuk melontar batu sehingga Baginda cedera dan berlumuran darah. Episod ini tercatat sebagai antara detik paling perit dalam perjalanan dakwah Rasulullah SAW.

Dalam keadaan lemah dan terluka, Jibril AS datang bersama malaikat penjaga gunung dengan tawaran untuk menghimpit penduduk Ta'if sebagai balasan atas perlakuan mereka. Namun Rasulullah SAW menolak cadangan tersebut (Abous, Zaghloul, & Ismail, 2025) dan sebaliknya memanjatkan doa penuh harapan:

بَلِّغْ أَرْجُو أَنَّ يُخْرِجَ اللَّهُ مِنْ أَصْلَابِهِمْ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ وَحْدَهُ، لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا

“Sebaliknya, aku berharap agar Allah mengeluarkan daripada sulbi mereka keturunan yang menyembah Allah semata-mata dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun.”

Riwayat al-Bukhari (3231) dan Muslim (1795)

Doa ini mencerminkan kemuncak rahmat Rasulullah SAW yang mendahulukan hidayah berbanding pembalasan, meskipun Baginda berada pada saat paling getir. Beberapa tahun kemudian, doa tersebut terbukti apabila Ta'if menerima Islam selepas Pembukaan Makkah pada tahun ke-9 Hijrah (Malik, 2024). Pada ketika itu, walaupun Rasulullah SAW mempunyai kekuatan penuh untuk membalas kezaliman yang pernah dilakukan, Baginda memilih untuk memaafkan mereka sepenuhnya (Abdullah & Ibrahim, 2024). Sikap ini menegaskan bahawa dakwah Islam berpaksikan kasih sayang, bukan dendam, sekali gus membuka ruang kepada lahirnya masyarakat yang lebih harmoni.

Secara keseluruhan, peristiwa Ta'if memperlihatkan aplikasi nyata konsep *rahmatan lil 'alamin*. Ia mengajar bahawa pemaafan ketika mampu membalas, doa ketika disakiti dan keutamaan hidayah mengatasi kemarahan merupakan asas penting dalam membina masyarakat madani yang berteraskan empati, ihsan dan penyelesaian konflik secara damai.

ii. Kerjasama dan Saling Menghormati dalam Piagam Madinah

Penggubalan Piagam Madinah merupakan manifestasi jelas kepimpinan Rasulullah SAW yang berasaskan rahmat dan keterangkuman. Setibanya Baginda di Madinah, realiti masyarakatnya amat majmuk, terdiri daripada Muhajirin, Ansar, komuniti Yahudi serta beberapa kabilah bukan Islam. Bagi menjamin kestabilan politik dan keharmonian sosial, Rasulullah SAW merangka suatu perlembagaan bertulis yang mengatur hubungan antara semua kelompok serta menetapkan hak dan tanggungjawab bersama dalam memelihara keamanan kota Madinah (Islam, 2018).

Dokumen tersebut mengandungi prinsip-prinsip asas pembinaan masyarakat sejahtera, antaranya pengiktirafan semua penduduk sebagai satu ummah walaupun berlainan agama dan suku, jaminan kebebasan beragama, penegakan keadilan serta perlindungan keselamatan untuk semua tanpa diskriminasi (Razak, 2003). Dengan asas ini, Rasulullah SAW menzahirkan bahawa Islam memuliakan persaudaraan kemanusiaan dan menjunjung keadilan sejagat dalam kehidupan bermasyarakat.

Pendekatan ini menjadikan Madinah sebagai model awal masyarakat madani dalam sejarah Islam, di mana toleransi, kerjasama dan kesepakatan menjadi tunjang pembangunan sosial (Rizki et al., 2024). Melalui Piagam Madinah, risalah *rahmatan lil 'alamin* diterjemahkan dalam bentuk praktikal, membuktikan bahawa Islam bukan sekadar ajaran kerohanian, tetapi suatu sistem hidup yang menegakkan hak asasi, perpaduan sosial dan keharmonian antara komuniti yang berbeza (Bustamam & Hardivizon, 2025). Hasilnya, Madinah berkembang sebagai masyarakat yang stabil, aman dan bersatu, mencerminkan keluasan rahmat Rasulullah SAW terhadap seluruh alam.

iii. Perjanjian Hudaibiyah

Perjanjian Hudaibiyah merupakan peristiwa penting yang menampilkan kebijaksanaan dan sifat rahmat Rasulullah SAW dalam mengurus konflik. Pada tahun keenam Hijrah, Baginda bermimpi bahawa umat Islam akan memasuki Masjidil Haram dalam keadaan aman bagi menunaikan umrah (Fitri, Mukmin, & Muttaqin, 2025). Mimpi ini disahkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ۗ
فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا

“Sesungguhnya Allah telah membuktikan kepada Rasul-Nya kebenaran mimpinya dengan sebenar-benarnya...”

(Surah al-Fath, 48:27)

Berpandukan petunjuk ini, Rasulullah SAW berangkat bersama kira-kira 1,400 sahabat menuju Makkah dengan niat ibadah, bukan peperangan. Namun, Quraisy bertindak menghalang rombongan tersebut daripada memasuki kota suci. Rombongan Islam berhenti di Hudaibiyah, dan Saidina Uthman bin Affan RA diutus untuk menjelaskan tujuan damai mereka. Ketegangan meningkat apabila tersebar khabar angin bahawa Uthman RA telah dibunuh (Wahyudiyanto, 2022), lalu para sahabat membai'ah Rasulullah SAW dalam peristiwa yang dikenali sebagai Bai'ah ar-Ridhwan. Kesetiaan ini dipuji Allah SWT seperti yang tercatat dalam surah al-Fath, 48:18.

Bagi meredakan situasi, Quraisy menghantar Suhail bin Amr untuk berunding (al-Mahdi Ali, 2022). Rundingan tersebut menghasilkan Perjanjian Hudaibiyah dengan syarat-syarat yang kelihatan tidak memihak kepada umat Islam, termasuk penangguhan umrah dan pemulangan orang Quraisy yang melarikan diri ke Madinah tanpa izin walinya. Walaupun sebahagian sahabat, termasuk Saidina Umar RA, berasa berat menerimanya, Rasulullah SAW tetap memilih jalan perdamaian (Sahoha & Sattar, 2016), dengan mengutamakan kestabilan jangka panjang serta peluang dakwah.

Keputusan ini akhirnya membuktikan keluasan rahmat dan kebijaksanaan Baginda (Fitri, Mukmin, & Muttaqin, 2025). Tempoh gencatan senjata membuka ruang hubungan aman sehingga ramai penduduk Makkah memeluk Islam. Perjanjian yang disangka merugikan itu menjadi pintu kepada kejayaan besar, seterusnya membawa kepada Pembukaan Makkah dua tahun kemudian (Hamidi, 2024). Peristiwa ini menegaskan bahawa rahmat Rasulullah SAW terjelma bukan sekadar pada tutur kata, tetapi pada strategi kepimpinan yang mendahulukan keamanan dan kemaslahatan umat.

iv. Pembebasan Mekah (Fath Makkah)

Pembebasan Mekah pada tahun ke-8 Hijrah menampilkan kemuncak rahmat dan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam memimpin manusia. Setelah Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah, Baginda SAW menggerakkan sekitar sepuluh ribu mujahid menuju Makkah dengan strategi yang berhati-hati bagi mengelakkan pertumpahan darah. Kota suci itu akhirnya dikuasai tanpa peperangan besar, mencerminkan pendekatan damai yang menjadi asas dakwah Islam (Hasbullah, 2022).

Sebagai pemimpin yang memiliki kekuatan ketenteraan, Rasulullah SAW tidak menggunakan kuasa tersebut untuk membalas segala penindasan dan kekejaman Quraisy terhadap umat Islam sebelum itu. Sebaliknya, Baginda mengutamakan keselamatan dan kestabilan Makkah (Hopkinson, 2022). Menurut al-Tabari (1990), ketika penduduk Makkah berkumpul menanti keputusan Baginda, Rasulullah SAW mengisytiharkan pengampunan umum dengan sabdanya:

اَذْهَبُوا فَأَنْتُمْ الطُّلَقَاءُ

“Pergilah, kamu semua bebas.”

Riwayat Al-Bayhaqi dalam *Dalā'il al-Nubuwwah*.

Pengampunan ini bukan sahaja memadam dendam, malah membuka pintu hati musuh-musuh Islam untuk menerima kebenaran secara sukarela. Sikap ini membuktikan bahawa risalah Islam ditegakkan atas dasar rahmat, bukan permusuhan (Amin, 2021). Keputusan Baginda untuk memaafkan dan menyatukan kembali masyarakat Makkah menjadikan Fath Makkah contoh tertinggi kepimpinan berasaskan rahmat, akhlak dan kemanusiaan.

Kelembutan Rasulullah SAW bukan sahaja meredakan konflik yang berakar lama, bahkan membawa perubahan besar apabila seluruh kota Makkah akhirnya memeluk Islam. Peristiwa ini mengukuhkan hakikat bahawa Baginda benar-benar diutus sebagai rahmat bagi seluruh alam, termasuk kepada mereka yang pernah memusuhi dan menentang Baginda SAW (Khosiin, Tobronib, & Khozin, 2023).

Risalah Rahmat Berteraskan Keadilan dan Kesejahteraan Sosial

Risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW berasaskan prinsip keadilan yang menyeluruh, merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia tanpa pengecualian (Nasir, Zaman, & Ahmad, 2024). Keadilan dalam Islam tidak difahami secara terhad kepada aspek perundangan semata-mata, tetapi sebagai nilai teras yang membentuk hubungan sosial, struktur masyarakat dan tatakelola kehidupan bersama. Al-Quran dengan tegas mengarahkan umat Islam supaya berlaku adil tanpa dipengaruhi oleh sentimen, kepentingan peribadi atau hubungan sosial, sebagaimana ditegaskan dalam Surah al-Mā'idah 5:8 bahawa keadilan merupakan sikap yang paling hampir kepada ketakwaan. Penegasan ini memperlihatkan bahawa keadilan menjadi asas utama bagi pembinaan masyarakat yang seimbang, aman dan harmoni.

Nilai ini diterjemahkan secara praktikal melalui kepimpinan Rasulullah SAW yang mempamerkan ketegasan dalam menegakkan keadilan dalam semua urusan, sama ada melibatkan aspek perundangan, hubungan sosial mahupun interaksi antara kabilah (Bustamam & Hardivizon, 2025). Baginda menolak sebarang bentuk pilih kasih dan tekanan status sosial, sebagaimana terserlah dalam peristiwa wanita daripada Bani Makhzum yang mencuri. Dalam hadis sahih riwayat al-Bukhārī, Rasulullah SAW menegaskan bahawa sekiranya Fatimah binti Muhammad sendiri melakukan kesalahan tersebut, Baginda tetap akan melaksanakan hukuman ke atasnya. Peristiwa ini menggambarkan bahawa keadilan dalam kepimpinan Rasulullah SAW bersifat prinsipil, konsisten dan tidak tunduk kepada kedudukan atau hubungan kekeluargaan.

Di samping menegakkan keadilan, risalah Islam turut menggariskan kesejahteraan sebagai matlamat utama kehidupan bermasyarakat melalui pemeliharaan *maqasid syariah*, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kerangka ini berfungsi sebagai panduan menyeluruh bagi memastikan kehidupan manusia terpelihara daripada kezaliman, ketidakadilan dan ancaman yang merosakkan keseimbangan sosial (Rasip, Ramlee & Ramli, 2025). Melalui penghayatan terhadap *maqasid*, masyarakat digalakkan membina sistem sosial yang kukuh dan terjamin, berteraskan nilai kesejahteraan sejagat yang merentasi sempadan agama dan etnik.

Secara tuntas, keadilan dan kesejahteraan yang menjadi teras risalah Nabi Muhammad SAW bukan sekadar ideal normatif, tetapi prinsip praktikal yang terbukti relevan dalam membentuk masyarakat madani. Nilai-nilai ini menyediakan asas bagi pembinaan tamadun yang berpaksikan etika, kesejahteraan sosial serta jaminan hak sejagat, sekali gus menzahirkan sifat rahmah Islam kepada seluruh manusia (Muksin, 2022).

Pembentukan Masyarakat Madani Berasaskan Prinsip Rahmah

Konsep *rahmatan lil 'alamin* turut terserlah dalam usaha Rasulullah SAW membangunkan masyarakat madani yang berteraskan keadilan, toleransi, dan kesejahteraan sosial. Ketika berada di Madinah, Baginda memimpin sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada kaum Muhajirin, Ansar, Yahudi, dan beberapa kabilah lain, lalu mengasaskan *Dustur al-Madinah* sebagai perlembagaan bertulis pertama yang menjamin hak, tanggungjawab, dan keselamatan setiap kelompok. Pendekatan ini menunjukkan bahawa risalah Islam menghormati keragaman dan menggalakkan kerjasama antara komuniti yang berbeza (Islam, 2018).

Di samping itu, Nabi SAW menekankan nilai ihsan, keadilan, dan penyelesaian konflik secara damai sebagai asas kestabilan sosial. Prinsip seperti larangan kezaliman, penghormatan maruah manusia, dan bantuan kepada golongan rentan diterapkan secara praktikal dalam pentadbiran Baginda. Tindakan-tindakan ini melahirkan sebuah masyarakat yang seimbang dari segi kerohanian dan kemasyarakatan, sekali gus membuktikan bahawa konsep rahmat tidak hanya bersifat spiritual tetapi turut membawa implikasi besar terhadap pembangunan social (Bustamam, & Hardivizon, 2025).

Selanjutnya, pemeraksanaan ekonomi dan penyusunan semula struktur sosial Madinah turut memperlihatkan misi rahmat Nabi SAW. Program integrasi antara Muhajirin dan Ansar, polisi pengagihan harta, serta jaminan kebajikan kepada golongan miskin menunjukkan kesungguhan Baginda dalam membentuk sebuah masyarakat yang adil dan inklusif. Model ini kemudiannya menjadi rujukan sepanjang sejarah pemerintahan Islam dan tetap relevan dalam konteks pembinaan masyarakat madani masa kini (Nasir, Zaman, & Ahmad, 2024).

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bukan sahaja membawa ajaran agama, tetapi turut memperkenalkan suatu kerangka peradaban yang menyeluruh. Konsep *rahmatan lil 'alamin* membentuk asas kepada pembangunan masyarakat yang harmoni, mampan, dan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat, selaras dengan tuntutan *maqasid* syariah dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Muksin, 2022).

Kesyumulan Risalah Nabi SAW Sepanjang Zaman

Risalah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW tampil sebagai suatu sistem yang menyeluruh kerana merangkumi keseluruhan dimensi kehidupan manusia, termasuk akidah, syariah, akhlak, urusan sosial, ekonomi, pentadbiran serta

hubungan kemanusiaan (Rasip, Ramlee & Ramli, 2025). Sifat kesyumulan ini menjadikan ajaran Baginda tidak terikat kepada ruang dan masa tertentu, sebaliknya kekal relevan dalam pelbagai konteks sejarah dan latar budaya. Nilai-nilai sejagat seperti keadilan, amanah, ihsan dan pemeliharaan kemaslahatan ummah yang menjadi asas risalah Islam membolehkan prinsip-prinsip tersebut terus diaplikasikan dalam realiti kehidupan kontemporari. Kesempurnaan ajaran ini ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Mā'idah 5:3, "Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu," yang menjadi hujah bahawa agama Islam telah lengkap sebagai panduan hidup sehingga hari kiamat.

Relevansi kesyumulan ini turut terserlah melalui keupayaan ajaran Nabi SAW menangani pelbagai isu moden seperti hak asasi manusia, tadbir urus yang baik, kestabilan institusi keluarga dan hubungan antarabangsa (Abdul Aziz & Rusli, 2023). Dalam konteks ini, para sarjana kontemporari menekankan peranan *maqasid syariah* sebagai kerangka utama yang memastikan ajaran Islam terus hidup dan berfungsi merentas zaman. Penekanan terhadap pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta membolehkan risalah Nabi SAW mengekalkan nilai terasnya, sambil bersifat dinamik dalam berhadapan perubahan sosial dan kemajuan teknologi.

Dimensi kesyumulan risalah Baginda juga dapat ditelusuri melalui pengalaman sejarah pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah yang berjaya menyatukan masyarakat berbilang agama dan latar belakang (Yusuf & Ahmad, 2022). Piagam Madinah, yang sering dianggap sebagai antara dokumen perlembagaan terawal dalam sejarah, membuktikan bahawa Baginda mengemukakan model pemerintahan yang inklusif, adil dan menghormati kepelbagaian. Pendekatan ini bukan sahaja membentuk masyarakat yang harmoni, malah meletakkan asas kepada pembinaan tamadun Islam yang memberi kesan besar kepada perkembangan peradaban dunia selama berabad-abad (al-Qardawi, 1977).

Secara tuntas, kesyumulan risalah Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa Islam bukan terbatas kepada ritual keagamaan, tetapi merupakan suatu sistem hidup yang komprehensif dan bersepadu (Abidin, 2012). Ajaran yang dibawa Baginda terus relevan dalam mendepani cabaran moden seperti globalisasi, krisis identiti, tekanan ekonomi dan perubahan nilai moral. Oleh itu, kesyumulan ini menjadikan risalah Nabi SAW kekal sebagai rahmat yang membimbing manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Kesinambungan Risalah Islam Sepanjang Zaman

Walaupun Nabi Muhammad SAW diutus lebih empat belas abad yang lalu, risalah yang dibawa Baginda tetap memperlihatkan daya tahan dan kerelevanan yang merentasi perubahan zaman. Ajaran Islam terus berfungsi sebagai rujukan nilai dalam mendepani pelbagai persoalan kemanusiaan kontemporari seperti keadilan sosial, pemeliharaan hak asasi, kemiskinan serta konflik global (Che Rani, 2025). Prinsip teras yang berpaksikan tauhid, keadilan, amanah dan persaudaraan sejagat menjadikan Islam sebuah sistem nilai yang kekal sesuai diaplikasikan dalam realiti dunia yang sentiasa berubah.

Keberlangsungan ajaran ini turut diperkukuh melalui sifat keanjalan hukum-hakam Islam, khususnya dalam bidang muamalat dan hubungan sosial. Melalui penggunaan metodologi seperti ijtihad, qiyas dan pertimbangan masalah, para ulama berupaya menyesuaikan ketetapan hukum dengan tuntutan semasa tanpa

menjejaskan prinsip asas syariah yang bersifat tetap (Rusnita et al., 2025; Prasetyo, 2025). Pendekatan metodologis ini memastikan Islam tidak terperangkap dalam kekakuan teks, sebaliknya mampu memberi respons yang berkesan terhadap cabaran globalisasi, kemajuan teknologi digital, ekonomi moden serta dinamika pembangunan masyarakat (Manik et al., 2024). Di samping fleksibiliti hukum, mesej *rahmatan lil 'alamin* turut memperkukuh peranan Islam sebagai panduan dalam membentuk masyarakat yang beradab dan bertanggungjawab.

Nilai-nilai kemanusiaan seperti toleransi, kebajikan, semangat kerjasama dan perlindungan terhadap hak golongan minoriti telah digariskan secara jelas dalam al-Quran dan sunnah sebagai asas hubungan antara manusia (Yusuf & Ahmad, 2022). Kerangka ini menjadikan ajaran Nabi Muhammad SAW sebagai model rujukan dalam mempromosikan keharmonian sosial dan memperkukuh perpaduan dalam masyarakat majmuk, sejajar dengan keperluan dunia moden yang berhadapan dengan kepelbagaian budaya dan agama (Khosiin, Tobronib, & Khozin, 2023).

Kesinambungan risalah Islam juga dapat ditelusuri melalui sumbangannya yang signifikan terhadap kemajuan tamadun manusia. Sejarah mencatat bagaimana ajaran Islam melahirkan peradaban unggul dalam bidang sains, perubatan, astronomi, falsafah dan pendidikan, sekali gus membentuk tradisi keilmuan yang memberi kesan luas kepada dunia. Warisan ilmu ini terus dipelihara dan diaplikasikan dalam pelbagai konteks kontemporari sebagai bukti daya hidup risalah Islam sepanjang zaman. Oleh itu, risalah Nabi Muhammad SAW bukan sahaja kekal relevan dari sudut moral dan spiritual, malah berfungsi sebagai kerangka nilai yang menyokong pembinaan masyarakat madani yang seimbang, berdaya saing dan berteraskan kemaslahatan sejagat pada setiap zaman.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir membawa implikasi yang amat luas, bukan sahaja kepada manusia, bahkan turut meliputi golongan jin serta seluruh alam ciptaan Allah SWT. Sejak awal dakwah, risalah Islam telah menzahirkan sifat kesejagatannya yang tidak terikat kepada bangsa, suku atau wilayah tertentu. Seruan al-Quran yang menggunakan panggilan umum “wahai manusia”, di samping bukti sejarah seperti pengislaman Bilal bin Rabah pada peringkat awal dakwah, memperlihatkan bahawa Islam ditujukan kepada seluruh umat manusia tanpa diskriminasi warna kulit, keturunan atau latar budaya, sejajar dengan fitrah kejadian insan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa skop risalah Nabi Muhammad SAW tidak terhad kepada manusia semata-mata, malah merangkumi golongan jin sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Jinn dan Surah al-Ahqaf. Peristiwa sekumpulan jin yang mendengar bacaan al-Quran lalu beriman menjadi bukti bahawa rahmat risalah Islam menjangkau seluruh makhluk berakal. Hal ini mengukuhkan kefahaman bahawa tujuan penciptaan manusia dan jin untuk beribadah kepada Allah hanya dapat direalisasikan melalui bimbingan wahyu dan risalah kenabian yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Selain itu, kajian ini menegaskan bahawa risalah Islam merupakan manifestasi rahmat bagi seluruh alam, sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyā' 21:107. Nilai kasih sayang, keadilan, keamanan dan

toleransi bukan sekadar konsep teoritikal, tetapi dizahirkan secara praktikal melalui dasar dan tindakan Rasulullah SAW, antaranya dalam Piagam Madinah, Perjanjian Hudaibiyah, pembebasan Makkah, serta doa penuh rahmat Baginda terhadap penduduk Ta'if yang menyakiti dan menghina Baginda. Kesemua peristiwa ini menjadi saksi sejarah bahawa Rasulullah SAW merupakan teladan tertinggi dalam akhlak dan kepimpinan berteraskan rahmah yang merentasi sempadan agama dan bangsa.

Dalam masa yang sama, kajian ini menegaskan bahawa risalah Islam memiliki jaminan kesinambungan sepanjang zaman, antaranya melalui pemeliharaan al-Quran oleh Allah SWT, kewujudan golongan yang sentiasa memperjuangkan kebenaran hingga hari kiamat, serta wasiat Rasulullah SAW agar umat Islam berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah. Pengisytiharan kesempurnaan agama dalam Surah al-Ma'idah 5:3 menjadi asas kukuh bahawa syariat Islam kekal relevan dalam menghadapi perubahan sosial, intelektual dan budaya manusia dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Akhirnya, keseluruhan dalil, hujah dan fakta sejarah yang dihuraikan dalam kajian ini memperlihatkan bahawa risalah Nabi Muhammad SAW merupakan petunjuk Ilahi yang merangkumi keperluan rohani, pembinaan akhlak, pengurusan sosial, dimensi politik serta nilai kemanusiaan sejagat. Sebagai rahmat bagi seluruh alam, risalah Islam terus memancarkan sinar kedamaian, keadilan dan kesejahteraan yang kekal relevan hingga hari kiamat. Oleh itu, pemahaman dan penghayatan terhadap risalah ini wajar diperkukuh secara berterusan sebagai asas dalam membina masyarakat madani yang harmoni, adil dan berpaksikan nilai ketakwaan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, N., & Rusli, R. (2023). Embracing Islamic values in governance: Reflecting the concept of 'Madani' In the Holy Qur'an. *International Journal of Social Science and Education Research Studies*, 3(7), 1304-1312.
- Abdul Hisham, S.S.S. (2023). Kerelevanan Agenda Madani. <https://solidaritas.my/kerelevanan-agenda-madani/>. Capaian pada 1/12.2025.
- Abdullah, F.T., & Ibrahim, H.I., (2024). The mercy of the Prophet (May God Bless Him and Grant Him Peace). *Majalah 'Ilmiah Dauriyah*, 8(5), 819-846.
- Abidin, D.Z. (2012). *Islam The Misunderstood Religion*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Abous, M., Zaghloul, S. G. G., & Ismail, S. (2025). The prophet's treatment of non-muslims considering the sunnah of the prophet SAW. *International Journal of Advanced Research*, 13(08), 470-479.
- Al-'Azmi, L.K.S. (2024). Al-Wasā'il al-Nabawiyah min Kīlālī Hīṣār Faṭḥ al-Ṭā'if. *Al-Majalah al-'Ilmiah Li Kuliyyah Usuluddin wa al-Dakwah bi al-Zarqaziq*, 2(2), 649-682.
- Al-Ghannoushi, Rashid. (1999). *Muqarabat fi al 'Imaniyya w'al-Mujtam` al Madani*. London: Maghreb Center for Research and Translation.
- Al-Ghannoushi, Rashid. (2012). *Al-Dimuqratiyyah wa al-Huquq al- Insaan fi al-Islam*. Doha: al-Jazeera Centre.
- Al-Mahdi Ali, M.Y. (2022). Idā'at muqtabasah min al-manhaj al-nabawī fi al-ta'āmul ma'a al-azmāt: Ṣulḥ al-Ḥudaybiyyah namūdhaj. *Omdurman Islamic University Journal*, 17(1), 275-297.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1977). *Khasais al-Amah lil Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Syamsuddin (2006). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*, Beirut: Al-Risalah.

- Al-Sayuti, Jalaluddin Muhammad Bin Ahmad & Al-Mahalli, Jalaluddin Abd Al-Rahman Bin Abi Bakar (t.t). *Tafsir al-Jalalain*, Beirut: Dar al-Maarif.
- Al-Sobuni, M.A. (2001). *Al-Tafsir al-Wadhih al-Muyassar*, Berut: Al-Maktab al-Aridah.
- Al-Tabari, A.J. (1990). *Tarikh al-Tabari: Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Beirut: Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Amin, M.Y. (2021). Amnesti umum Nabi Muhammad SAW pada peristiwa Fathu Makkah. *Journal Pemikiran Politik Islam*, 4(1), 109-128.
- Asrin, Afif Anshori, Shonhaji, Mawardi Mawardi, Inrawati Imron, & Rini Setiawati. (2024). The ideal pattern of social integration based on the Quran (thematic study of verses on social integration). *Al Quds*, 8(3), 659-674.
- Bakar, O. (1997). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1-10.
- Bustamam, R., & Hardivizon, H. (2025). Implementing the values of rahmatan li l-'alamin through maqāsid-based exegesis to achieve social justice. *Jurnal Ushuluddin*, 33(1), 1-21.
- Che Rani, M.A.H. (2025). Ihsan pemangkin keharmonian masyarakat majmuk dalam membina Negara Madani. *Jurnal Yadim: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 5(1), 53-72.
- Elius, M., Khan, I., & Mohd Nor, M.R. (2019). Interreligious Dialogue: An Islamic Approach. *KATHA-The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue*, 15(1), 1-19.
- Elius, M., Khan, I., Mohd Nor, M.R., Yusoff, M.Y.Z.B.M., & Noordin, K. (2019). Islam as a religion of tolerance and dialogue: A critical appraisal. *Journal for The Study of Religions and Ideologies*, 18(52), 96-109.
- Fitri, K., Mukmin, S.K., & Muttaqin, A. (2025). Perspektif Politik tentang Perjanjian Hudaibiyah dalam Tafsir Fi Zhilal al-Qur'an. *Jurnal Semiotika-Q*, 5(1), 90-110.
- Hamidi, H.F. (2024). The impact of the Treaty of Hudaybiyyah on the spread of Islam in the Arabian Peninsula. *Integration Journal of Social Sciences and Culture*, 2(2), 245-260.
- Hasbullah, A.R. (2022). Konstruksi nilai-nilai dalam peristiwa Fathu Makkah. *Indonesian Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 165-180.
- Hopkinson, E.C. (2022). Prophet Muhammad, the greatest forgiveness in the history, the eagle flag, and the marvelous strategy for peaceful opening of Mecca. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 9(10), 150.
- Ibn Kathir, Ismail (1985), *Tafsir al-Quran A\al-Adzim*, Beirut: Dar Ihya al-Tutarath al-Arabi.
- Ibrahim, A. (2022), *Membangun Negara MADANI:Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*, Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Islam, Md. T. (2018). Peaceful coexistence of various religious groups in Islam. *Journal of Islamic Thought and Civilization* 8(2), 183-203.
- Ismail, R., Tobroni, & Faridi. (2024). Mengintegrasikan konsep rahmatan lil 'alamin dalam kurikulum pendidikan Islam dengan pendekatan holistik. *Al-Muaddib Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan*, 6(1), 489-499.
- Khosiin, K., Tobronib, & Khozin. (2023). The rahmatan lil 'alamin paradigm as an approach to Islamic education in Muhammadiyah institutions. *PROGRESIVA: Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, 12(1), 133-146.
- Malik, M. M. (2024). Mercy (rahmah) as the prelude to Islam. *Journal of Philosophy and Religion*, 25(1), 45-61.

- Manik, R.H., Dzaki, F.M., Azzahra, A., Yudistira, J.P., Wismanto, W., & Mayasari, F. (2024). Peran ijtihad dalam menjawab tantangan hukum Islam di era modern. *Jurnal Kajian Dan Penelitian Umum*, 2(6), 118–126.
- Muksin, A. (2022). Menuju harmoni dalam keragaman perspektif al-Qur'an. *Rausyan Fikr: Jurnal Studi Ilmu Ushuluddin Dan Filsafat*, 18(2), 245–269.
- Nasir, K., Zaman, R.K., & Ahmad, K. (2024). Gagasan Malaysia Madani: Analisis korelasi enam nilai teras ketamadunan daripada kisah nabi Sulayman (As) dalam surah al-Naml. *Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies*, 22(2), 291–317.
- Prasetyo, M.D., Nada, M.C.R.P., & Abdillah, M. (2024). Fleksibilitas syariat Islam dalam modernisasi zaman. *Ikhlas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Islam*, 1(4), 181–188.
- Rasip, Z.M. (2025), *Dakwah dan Mualaf di Sabah: Cabaran, Kejayan, dan Senergi Dakwah*, Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam UMS.
- Rasip, Z.M., Ramlee, Y., & Ramli, I. (2025), *Ciri-Ciri Murni Agama Islam Yang Suci: Asas Pembangunan Madani Membentuk Masyarakat Harmoni*, Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam UMS.
- Razak, Y. (2003). Hak-hak Asasi Manusia: Perspektif al-Qur'an. (2003). *Refleksi: Jurnal Kajian Agama Dan Filsafat*, 5(1), 19-30.
- Rizki, M., Tarmizi, A., Zakiah, F., Basri, M., & Lubis, Z. (2024). Pendidikan multikultural dalam perspektif hadis. *Jurnal Penelitian Tarbawi: Pendidikan Islam Dan Isu-Isu Sosial*, 9(2), 179–189.
- Rusnita, A.N., Hasibuan, R.S., Simanjuntak, E. S. F., Tarigan, P.J.B., Pinem, O.V., Sinambela, S.K., & Hadiningrum, S. (2025). Relevansi hukum Islam dalam menghadapi tantangan zaman modern. *Journal of Health Education Law Information and Humanities*, 2(1), 227–231.
- Sahoha, I. & Sattar, Y. (2016). The idea of peace and conflict resolution in Islam. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 37(3), 333-344.
- Sajadi, D. (2022). Kritik Islam terhadap paham pluralisme dan civil society. *Tahdzib al-Akhlaq Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 107–123.
- Qutb, S. (1983), *Fi Zilal al-Quran*, Beirut: Dar al-Syuruk.
- Shuhairimi, A., Noor, S., Tungku Salha, T.A., Nurul, N.R., Siti, N.A.B., Adi, A.A., Abdul, J.R., (2023), *Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian, Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa, Budaya Dan Nusantara* (pp. 239-249). Thailand: Thaksin University, Songkhla.
- Wahyudiyanto, D. (2022). Strategi negosiasi pada Perjanjian Hudaibiyah dalam perspektif analisis pentad. *Inteleksia: Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah*, 4(1), 157–178.
- Yusuf, T.O., & Ahmad, A.O. (2022). Rudimental principles of interaction in the holy qur'an: surah al-hujraat as case study. *El Harakah*, 24(1), 41–57.